3. Daniel meletakkan bungkusan coklat itu di rak semula.	Setiap anak haruslah mendengar nasihat ibu bapa agar badan sihat dan otak cerdas.

TAHAP PENGUASAAN (✓)





MODUL PBD

SP 3.3.1 Mendraf dan menghasilkan penulisan berformat dan tidak berformat.





Kemahiran Menulis

Berdasarkan gambar, bina kerangka dengan melengkapkan peta dakap yang diberikan. Kemudian, tulis karangan dengan lengkap.



Aku
Sebatang
Jari Manis

Pendahuluan	{ nama aku Jari Manis – bentukku runcing dan halus – tuanku seorang budak perempuan – aku mempunyai empat adik-beradik
Isi-isi penting	{ (a) kami digunakan dalam pelbagai aktiviti harian – seperti menulis (b) kebersihan kami sentiasa dijaga – menggunakan bahan pencuci (c) kuku kami akan dipotong – diwarnakan – menambahkan seri
Penutup	{ aku berharap agar kami akan dijaga dengan baik



Nama aku Jari Manis. Badanku runcing dan halus. Tuanku seorang budak perempuan bernama Sofia. Aku mempunyai empat adik-beradik, iaitu Ibu Jari, Jari Hantu, Jari Telunjuk, dan Jari Kelengkeng.

Aku dan adik-beradikku berkhidmat kepada Sofia dalam pelbagai perkara. Kami sering digunakan dalam semua aktiviti hariannya seperti menulis, bekerja, belajar, makan, minum, bersalaman, dan sebagainya. Tanpa kami, aktiviti Sofia tentu terbatas.

Aku dan adik-beradikku sentiasa dibersihkan oleh Sofia selepas digunakan. Kami dibersihkan dengan bahan pencuci yang telah dikhaskan untuk kami. Jika kami kotor, kami akan membawa kuman penyakit yang dapat menjaskan kesihatan Sofia.

Selain itu, Sofia selalu membersihkan wajah kami dengan membuang kotoran. Dia juga memotong kuku kami. Sesekali Sofia mewarnakan kuku kami dengan inai bagi menambahkan seri kami.

Aku berharap agar Sofia menjaga kami dengan sebaik-baik mungkin.

TAHAP PENGUASAAN (✓)





MODUL PBD

Buku Teks: II & I8

SP 5.1.1 Memahami dan menggunakan kata nama mengikut konteks; (iii) kata ganti nama (iv) penjodoh bilangan



Aspek Tatabahasa



Lengkapkan dialog di bawah dengan kata ganti nama yang sesuai.

kamu	beliau	kita	kalian	saya	kami
oo	oo	oo	oo	oo	oo



Vinod


dan Rita: Alya, Hariz, _____ kalian _____ sudah makan? Jomlah ke kantin. _____ Kami _____ lapar.

Alya: Hariz, mengapakah _____ kamu _____ tidak mencuci tangan sebelum makan?

Hariz: Tangan _____ saya _____ tidak kotor.

Alya: Jangan begitu. Pesan Cikgu Rozi semalam, _____ kita _____ mestilah menjaga kebersihan dengan mencuci tangan sebelum makan. Kata _____ beliau _____ lagi, kuman dan bakteria akan masuk ke dalam badan jika kita tidak membasuh tangan. Kita mungkin akan mengalami keracunan makanan.

Penjodoh bilangan digunakan bersama-sama kata bilangan untuk menentukan sesuatu mengikut rupa, bentuk, saiz, dan sebagainya.



B Bina ayat menggunakan penjodoh bilangan yang diberikan.

1. batang

Kakak menemani adik membeli tiga batang pensel di kedai alat tulis itu.

2. ekor

Lelaki tua itu memelihara puluhan ekor ayam dan itik di dalam reban.

3. rangkap

Sebelum mengakhiri ucapannya, Israq mempersembahkan dua rangkap pantun.



TAHAP PENGUASAAN (✓)



Tandatangan Guru: _____ Tarikh: _____

UNIT**6****Minda Sihat****MODUL PBD**

Buku Teks: 40 – 41

SP 3.2.4 Menulis teks prosa yang diimlakukan.

**Kemahiran Menulis**

Tulis ayat bercetak tebal yang diimlakukan dalam petikan di bawah dalam bentuk perenggan.

Dalam menjalani kehidupan sehari-harian, kita mesti menjalinkan hubungan yang baik dengan semua orang di sekeliling. Kita mesti pandai menjaga hati dan perasaan orang yang berhubung dengan kita seperti keluarga, guru-guru, dan sahabat handai. Kita harus berbaik sangka dan jangan mudah menyimpan perasaan tidak puas hati. Hal ini dapat mengeruhkan hubungan persahabatan. Perbalahan yang kecil dapat dielakkan jika kita mesra dan pandai bergaul. Penampilan yang baik menggambarkan ketenangan dan kebahagiaan jiwa. Kita harus berhati-hati apabila berbicara. Patah-patah perkataan mestilah disusun indah agar kita disenangi oleh kawan-kawan. Kita juga mesti mengamalkan budaya bersalam-salaman ketika berjumpa dengan orang yang lebih tua. Perasaan gundah-gulana dapat dikurangkan jika kita sentiasa tersenyum. Senyuman yang indah dan ikhlas dapat menenangkan jiwa kerana senyuman dapat menurunkan tekanan darah.



Dalam kehidupan sehari-harian, kita mesti menjalinkan hubungan yang baik dengan semua orang di sekeliling. Kita harus berbaik sangka dan jangan mudah menyimpan perasaan tidak puas hati. Kita harus berhati-hati apabila berbicara. Patah-patah perkataan mestilah disusun indah agar kita disenangi oleh kawan-kawan. Kita juga mesti mengamalkan budaya bersalam-salaman ketika berjumpa dengan orang yang lebih tua. Perasaan gundah-gulana dapat dikurangkan jika kita sentiasa tersenyum.

TAHAP PENGUASAAN (✓)

Praktis Ekstra
Tema 2



MODUL PBD


SP 4.3.2 Mengubah suai cerita dengan bahasa yang indah dan santun secara separa berpandu dan mempersebahkannya secara kreatif.



Aspek Seni Bahasa

Baca cerita. Ubah suai cerita tersebut berdasarkan rangkai kata dan gambar yang diberikan. Persembahkan cerita di hadapan kelas. **PAK-21** Persembahan

1



Nah, rasakan gigitanku! Aku membawa virus denggi. Aku berupaya menyebarkan penyakit demam denggi dalam jangka masa lapan hingga dua belas hari selepas menghisap darah kamu.


2



Aduh, sakitnya kepala dan otot tubuhku!


3

Ayuh, kita bersihkan kawasan di dalam dan luar rumah kita supaya nyamuk aedes tidak dapat membiak lagi.



Kita risau akan virus COVID-19 sedangkan aedes juga membawa maut.

4



Sahabat-sahabatku, lari! Tempat pembiakan kita telah disembur racun! Habislah riwayat kita sebentar lagi.


PAK-21

Bercerita




KBAT

Mencipta




Sang Lalat



kuman melekat



sakit perut



menjaga kesihatan

TAHAP PENGUASAAN (✓)





SP 5.1.2 Memahami dan menggunakan kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif mengikut konteks.




Aspek Tatatabahasa

Lengkapkan dialog dengan kata kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif yang sesuai.

- | | | | | |
|-------------|-------------|------------|------------|------------|
| * terbuka | * bermaksud | * memahami | * mengawal | * menyapu |
| * bertakung | * membuat | * berupaya | * membantu | * bersedia |

Kata kerja digunakan untuk menunjukkan perbuatan yang dilakukan oleh manusia, haiwan, atau benda.



Semalam saya menonton rancangan televisyen. Saya amat tertarik akan kata-kata pakar motivasi dalam rancangan itu, iaitu sesiapa yang mempunyai kecerdasan emosi dapat **membuat** sesuatu keputusan dengan baik.

Petang semalam saya dan keluarga saya membersihkan kawasan rumah kami. Saya **menyapu** dan membuang sampah, selain **membantu** ibu saya membuang air yang **bertakung** di dalam pengalas pokok bunga. Apakah maksud kecerdasan emosi, Zul?



Kecerdasan emosi **bermaksud** kebolehan seseorang memahami emosi diri sendiri serta dapat mengenal pasti perbezaan antara perasaan dengan tindakan rasional.



Betul, Zul. Seseorang yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi dapat **mengawal** perasaan negatif dalam dirinya. Mereka lebih **terbuka** dan **bersedia** untuk menghadapi sesuatu masalah.



Sikap ini ada pada ketua kelas kita. Dia sangat **memahami** orang lain. Seseorang yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi juga **berupaya** untuk menumpukan perhatian terhadap pelajaran.

Bonus PdPc
Nota
Kata KerjaTAHAP PENGUASAAN (✓) **1 ★ 2 ★ 3 ★ 4 ★ 5 ★ 6 ★**

Tandatangan Guru: _____ Tarikh: _____

Ujian Pertengahan Sesi Akademik (UPSA)

Skor
/ 50

1 jam 15 minit

BAHAGIAN A

[10 markah]

Soalan 1 dan 2

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- I. Kumpulan murid itu _____ menunggu keputusan pertandingan akhir e-sukan yang akan diumumkan sebentar lagi.
 A berdugun-dugun
 B bergerak-gerak
 C berdebar-debar
 D berkumat-kamit

2. Jiran-jiran Encik Osman _____ kerana telah membayai kos rawatan penyakitnya.
 A hati emas
 B bulat kata
 C lapang dada
 D ringan tulang

Soalan 3

3. Pilih ayat yang betul.

- A Roszanira melihat televisyen sambil berbual-bual dengan Sarinah.
- B Pak Cik Ismail membawa segerombolan lembu untuk meragut rumput di padang.
- C Pemasa automatik ialah alat untuk mengawal dan menetapkan tempoh lampu menyala.
- D Encik Chong memandu keretanya kurang dekat dengan kenderaan lain ketika musim jerebu.

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

40 orang murid termasuk Adira berpeluang untuk menyertai Kem Perkhemahan Muhibah semasa cuti sekolah lalu. Program selama tiga hari itu diadakan di padang Sekolah Kebangsaan Setia Indah. Tujuan program itu diadakan untuk menyemarakkan perpaduan antara murid pelbagai kaum.

Para peserta dibahagikan kepada lima kumpulan. Setiap kumpulan diminta untuk menjalankan pelbagai aktiviti yang telah diatur. Selain persembahan tarian tradisional kaum Melayu, Cina, dan India, setiap kumpulan juga diwajibkan mempersembahkan dikir barat yang menggabungkan kesemua kaum. Aktiviti yang paling menarik ialah pertandingan Menu Malaysia Madani, iaitu lempeng, wade, dan cakoi. Penutup acara selepas penyampaian hadiah ialah nyanyian lagu "Negaraku" oleh tetamu kehormat dan para peserta.



7. Siapakah yang menganjurkan program tersebut?
A Adam C Penduduk kampung
B Guru-guru D Sekolah Kebangsaan Bahang
8. Mereka mengayuh basikal di sekitar kampung.
- Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah
A biji. C batang.
B buah. D kumpulan
9. Perkataan *mengagihkan* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan
A menyediakan. C membahagikan.
B mengurniakan. D mempersembahkan.
10. Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.
A Penduduk kampung tidak mendapat duit raya.
B Penduduk kampung membantu guru-guru memasak bubur kacang.
C Adam dan rakannya menaiki kereta guru mereka untuk menghantar bubur kacang.
D Agihan bubur kacang menyebabkan perpaduan warga sekolah dan penduduk kampung terus utuh.

BAHAGIAN B

[10 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Encik Kazar membawa anak-anaknya, iaitu Afidah dan Asri ke Pesta Buku Ria yang berlangsung selama dua hari berdekatan dengan rumah mereka. Mereka ke sana untuk membeli bahan bacaan yang bersesuaian. Selain itu, buku-buku di situ dijual dengan harga yang lebih murah daripada biasa.

Encik Kazar sentiasa mengutamakan keselamatan anak-anaknya. Dia tidak pernah melepaskan pandangan terhadap mereka terutama di kawasan reruai buku.

- I. (a) Encik Kazar membawa anak-anaknya ke Pesta Buku Ria.
[1 markah]
- (b) Apakah tujuan Encik Kazar membawa anak-anaknya ke tempat itu?
Tujuan Encik Kazar membawa anak-anaknya ke tempat itu adalah untuk membeli bahan bacaan yang bersesuaian dan murah.
[2 markah]



BAHAGIAN C

[10 markah]

Grafik di bawah menunjukkan tentang penjagaan kebersihan serta kesihatan mulut dan gigi.

Tuliskan pendapat kamu tentang cara-cara menjaga kebersihan mulut dan gigi.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam satu perenggan.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan.



Antara langkah yang diambil untuk menjaga kebersihan mulut dan gigi adalah memberus gigi dan membersihkan lidah menggunakan ubat gigi berflourida dua kali sehari bagi mengelakkan pertumbuhan bakteria. Selain itu, kita perlu berkumur selepas makan dan minum. Kita juga tidak boleh berkongsi berus gigi dengan orang lain. Seterusnya, kita haruslah melakukan pemeriksaan gigi setiap tahun.

[10 markah]




BAHAGIAN D

[20 markah]

Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian tulis sebuah karangan dalam bentuk karangan berformat atau karangan tidak berformat.

Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.

MENAIKI ESKALATOR



Karangan Berformat

PENAMPANG, 30 Jun – Pasar Raya Bintang telah melancarkan Kempen Keselamatan di Eskalator pada hari semalam. Kempen ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada para pengunjung pasar raya tentang pentingnya penggunaan eskalator secara selamat.

Kempen ini dirasmikan oleh Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Penampang. Menurut beliau, eskalator merupakan kemudahan awam untuk keselesaan pergerakan penggunanya. Beliau menasihati para pengguna eskalator agar sentiasa mematuhi panduan penggunaan dan garisan sempadan tangga semasa menggunakan kemudahan tersebut.

Beliau juga mengingatkan pemilik pasar raya supaya memastikan eskalator yang dipasang itu diselenggara mengikut masa yang ditetapkan dengan menggunakan khidmat jurutera yang



PRAKTIS UASA



Bahagian A

Tatabahasa

Praktis 1 – Praktis 4

Pemahaman Petikan (Teks Tunggal & Teks Pelbagai)

Praktis 1 – Praktis 4

Bahagian B

Tatabahasa dan Pemahaman Petikan

Praktis 1 – Praktis 4

Respons Kritis dan Kreatif

Praktis 1 – Praktis 4

Bahagian C

Penulisan Perenggan

Praktis 1 – Praktis 4

Bahagian D

Penulisan Karangan

Praktis 1 – Praktis 4

BAHAGIAN A

Tatabahasa



Revisi Modul

Sebelum Menjawab Soalan Tatabahasa

1. Baca setiap soalan dengan teliti.
2. Untuk soalan bergambar, kenal pasti perkaitan antara soalan dengan gambar yang disertakan.

Semasa Menjawab Soalan Tatabahasa

1. Elakkan daripada mengambil masa yang terlalu lama untuk menjawab soalan.
2. Teliti jawapan pilihan yang lain juga supaya dapat membuat pilihan yang paling tepat.



Selepas Menjawab Soalan Tatabahasa

1. Semak jawapan sekali lagi.
2. Pastikan semua soalan telah dijawab.

Praktis 1

Kata Nama Am, Kata Nama Khas, Kata Ganti Nama, Penjodoh Bilangan, Kata Kerja Aktif Transitif, Kata Kerja Aktif Tak Transitif, dan Kata Adjektif

Soalan 1 – 6

Tema I: Kemasyarakatan & Tema 2: Kesihatan dan Kebersihan

Buku Teks: m.s. 6, II, I2, I8, 29, 30, 35, 36, 43

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. Azmi dan kawan-kawannya ke sekolah petang itu untuk menghadiri _____ kokurikulum.
A aktiviti **C** dewan
B pesta **D** perayaan
2. Razali membawa _____ bersiar-siar di taman rekreasi sambil memastikan kucingnya itu tidak mengotorkan kawasan tersebut.
A Si Jalak **C** Sang Kancil
B Si Tompok **D** Si Murai
3. Penduduk bekerjasama mencantikkan Taman Rekreasi Mawar. _____ menggunakan tayar terpakai bagi menghasilkan kerusi tayar.
A Kita **C** Beliau
B Kami **D** Mereka
4. Doktor _____ datuk supaya menjaga kesihatan dirinya.
A merawat **C** memeriksa
B menasihati **D** mengubati

Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA)

Skor

/ 50

1 jam 15 minit

BAHAGIAN A

[10 markah]

Soalan 1 dan 2

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- I. "_____, katil mesra pengguna ciptaan tuan telah memenangi hadiah inovasi!" kata wartawan kepada Encik Yusof.
A Eh C Amboi
B Wah D Syabas
2. _____ berikan alat perangkap nyamuk ini kepada ibu kamu.
A Sila C Jemput
B Minta D Tolong

Soalan 3

3. Pilih ayat yang betul.

- A Pak Cik Rosman hidup susah manakala dia tidak meminta-minta.
- B Beberapa orang murid menyusun sederet pasu bunga di hadapan kelas mereka.
- C Puan Suhana menuju ke pejabatnya dengan gopoh-gapah kerana sudah terlewati.
- D Penduduk Taman Mawar bantu-membantu untuk mengukus air di dalam periuk besar itu.

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Bersempena dengan Minggu Panitia Pendidikan Jasmani dan Kesihatan, Cikgu Mollyanah menayangkan slaid tentang cara penjagaan kuku kepada semua murid tahun 5. Penayangan slaid ini bertujuan untuk berkongsi cara menjaga kebersihan kuku dengan betul.

Sebelum itu, pertandingan melabel dan mewarna telah diadakan bagi murid-murid tahun 1, pertandingan melukis poster makanan sihat bagi murid-murid tahun 2, manakala bagi murid-murid tahun 3 telah diadakan Kuiz Sihat Cergas. Pertandingan melukis poster Katakan Tidak dianjurkan untuk murid-murid tahun 4 manakala murid-murid tahun 6 pula menonton slaid tentang pertolongan cemas.

Pada sesi akhir tayangan slaid, Clayverly, wakil murid Tahun 5 Cerdik diminta memberi rumusan tentang cara penjagaan kuku. Azri pula memberi rumusan tentang penyakit yang akan berjangkit sekiranya tidak menjaga kebersihan kuku.



BAHAGIAN B

[10 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada hari Ahad yang lalu, Puan Fauziah menghadiri majlis pelancaran kempen kebersihan pasar mingguan anjuran Majlis Daerah Kuala Pilah. Lokasi majlis pelancaran itu tidak jauh dari rumahnya.

Kempen itu dijalankan bagi memupuk sikap bertanggungjawab para pengusaha terhadap kebersihan kawasan pasar dan menanam nilai kerjasama. Bagi menangani masalah sampah pula, Majlis Daerah Kuala Pilah menetapkan peraturan bahawa setiap pengunjung membawa plastik sampah sendiri.

- I. (a) Puan Fauziah menghadiri majlis pelancaran kempen kebersihan pasar mingguan anjuran Majlis Daerah Kuala Pilah.

[1 markah]

- (b) Mengapakah kempen itu dijalankan?

Kempen itu dijalankan bagi memupuk sikap bertanggungjawab para pengusaha terhadap kebersihan kawasan pasar dan menanam nilai kerjasama.

[2 markah]

- (c) Gariskan satu kata adjektif yang terdapat dalam ayat yang diberikan.

Lokasi majlis pelancaran itu tidak jauh dari rumahnya.

[1 markah]

- (d) Pilih dan tandakan (✓) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

Puan Fauziah menghadiri majlis pelancaran kempen kebersihan pasar mingguan.

Majlis pelancaran kempen kebersihan pasar mingguan hadir Puan Fauziah.

Puan Fauziah ke majlis pelancaran kempen kebersihan pasar mingguan.

✓

[1 markah]

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 30 patah perkataan.

2. Kamu sedang menyiapkan kerja sekolah yang diberikan oleh guru. Ada soalan yang tidak kamu fahami.



Apakah tindakan yang akan kamu lakukan?

Saya akan merujuk buku teks atau buku rujukan untuk mencari jawapan. Sekiranya saya tidak menemukan jawapan, saya akan meminta ahli keluarga untuk membantu saya. Sekiranya mereka tidak dapat memberikan bantuan, saya akan menelefon rakan saya.

[5 markah]

BAHAGIAN C


[10 markah]

Grafik di bawah menunjukkan tentang masalah kemurungan.

Tuliskan pendapat kamu tentang langkah-langkah mengatasi masalah kemurungan.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam satu perenggan.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah tidak lebih daripada 50 patah perkataan.



Antara langkah mengatasi kemurungan adalah mengamalkan sikap bertenang dan sentiasa berfikiran positif. Selain itu, kita haruslah melakukan aktiviti seperti bersukan supaya dapat melupakan masalah yang dihadapi. Kita juga haruslah mengamalkan pemakanan serta gaya hidup sihat. Di samping itu, kita boleh berkongsi cerita dan melakukan aktiviti yang disukai dengan orang yang dipercayai seperti berkelah dan sebagainya.

[10 markah]




BAHAGIAN D

[20 markah]

Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian tulis sebuah karangan dalam bentuk karangan berformat atau karangan tidak berformat.

Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.



Karangan Berformat

Roslinah: Selamat pagi, Puan May. Saya Roslinah, murid Tahun 5 Gemilang. Saya ingin menemu ramah puan tentang kedai kek yang puan usahakan.

Puan May: Selamat pagi, Roslinah. Boleh. Silakan.

Roslinah: Pertama sekali, tahniah atas kejayaan puan mengusahakan perniagaan ini. Bilakah puan mula membuka Kedai Kek Saujana ini?

Puan May: Saya membuka kedai kek ini sejak tiga tahun lalu.

Roslinah: Sejak bilakah puan mula berkecimpung dalam bidang pembuatan kek?

Puan May: Saya berkecimpung dalam bidang ini sejak bangku sekolah menengah lagi. Pada masa itu, saya selalu membantu ibu saya yang menjual kek secara kecil-kecilan di rumah kami. Setelah saya tamat belajar, saya mengambil keputusan untuk menyambung perniagaan ibu saya. Pada mulanya, saya menjual kek yang ditempah

JAWAPAN



UNIT
1

Masyarakat Penyayang

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

bersukan dan lain-lain. Hal ini memudahkan dan melancarkan perjalanan aktiviti tersebut. Pelbagai perlindungan yang disertai oleh murid-murid menyebabkan mereka berasa bertanggungjawab untuk membawa kemenangan kepada kelas atau sekolah.; seperti pertandingan kelas terbersih, gotong-royong, membina dan menghias taman sains, dan lain-lain yang diadakan di sekolah akan melibatkan semua murid secara individu dan kumpulan. Murid-murid dapat menjalin hubungan yang lebih kondusif dengan rakan-rakan dan guru-guru. Program sebegini juga akan diamalkan dalam kehidupan walau di mana-mana mereka berada.; dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, Pendidikan Moral, dan Bahasa Melayu. Guru juga sewajarnyalah menjadi suri teladan dengan sentiasa menunjukkan contoh yang mulia kepada murid-murid. Murid-murid pasti mudah memahami pengajaran guru sekiranya guru penyayang.

Kemahiran Membaca

Rakyat Malaysia mengamalkan sikap prihatin yang tinggi serta saling berkongsi suka dan duka meskipun berlainan kaum dan agama, bak peribahasa, bagi aur dengan tebing dan cubit paha kanan, paha kiri sakit juga.

Kemahiran Menulis

Budaya senyum, sapa, dan salam hendaklah dipraktikkan di sekolah bukan sahaja dalam kalangan murid, malah semua warga sekolah. Budaya ini dapat memperkasakan guru penyayang. Budaya ini juga dapat memupuk kemesraan antara guru dengan murid, sekali gus melahirkan hubungan yang akrab.

Aspek Seni Bahasa

kata putus; berat sama dipikul, ringan sama dijinjing; pantas macam kilat; Betapa berat mata memandang, berat lagi bahu memikul; bermurah hati; nipis macam kertas

UNIT
2

Kerjasama Eratkan Hubungan

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Penduduk Taman Impian hendak mengadakan sukaneka tahunan pada hari Sabtu minggu hadapan.; Tugas tersebut diserahkan kepada Encik Azman.; Semua peserta akan diberikan sijil penyertaan dan sehelai kemeja-T manakala para pemenang pula akan menerima hadiah wang tunai.

Kemahiran Membaca

Nilai murni, iaitu perpaduan, kasih sayang, dan kerjasama wujud daripada aktiviti membantu mangsa banjir.

Kemahiran Menulis

Jumlah wang tunai yang disediakan untuk semua pemenang dalam pertandingan ini adalah sebanyak RM900.; Pada pendapat saya, semangat mencintai negara dan patriotik perlu dipupuk dalam kalangan kanak-kanak supaya semangat ini hidup sebat dalam diri mereka.; Saya akan menggunakan tempurung kelapa. Saya memilih bahan tersebut kerana tempurung kelapa mudah diperoleh dalam kuantiti yang banyak dan tidak memerlukan kos yang tinggi.

Aspek Tatabahasa

Kata nama am

1. murid
2. komputer
3. kelas
4. guru
5. rakan
6. basikal

Kata nama khas

1. Fariyah
2. Tahn Lim Kejora
3. Husna
4. Azlin
5. Haikal
6. Swee Soo

UNIT
3

Masyarakat Celik Ilmu

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Saya ingin menyertai pertandingan Pembaca Buku Terbanyak Bulanan. Saya dapat menambahkan ilmu pengetahuan saya sekiranya banyak membaca.; Saya lebih berminat untuk menyertai pertandingan mewarna kulit buku tercantik. Penyertaan dalam pertandingan ini dapat mengasah bakat seni yang saya ada.; Saya ingin menyertai pertandingan Ulasan Buku Kesukaan Saya dalam bentuk video. Saya dapat memupuk nilai berani dan yakin akan diri.

Kemahiran Membaca

1. penuntut perempuan di universiti
2. hadiah atau pemberian daripada pihak yang lebih tinggi
3. orang yang menulis berita atau rencana untuk surat khabar atau majalah
4. cantik
5. bersopan santun dan berbudi pekerti yang baik
6. orang yang mengusahakan sesuatu perniagaan

Kemahiran Menulis

1. Azrina rajin kerana dia menyiapkan kerja sekolahnya dengan segera setelah pulang dari sekolah. Dia kemudiannya menyedari buku latihannya tertukar.
2. Najwa ingin bertukar-tukar idea tentang isi-isi karangan yang diberikan oleh Cikgu Azizi dengan Azrina supaya dapat menambahkan pemahamannya dan menulis karangan tersebut dengan baik.
3. (a) Kerajinan (c) Bantu-membantu
(b) Kerjasama (d) Berwaspada

Kemahiran Seni Bahasa

- Para pemimpin berasa bangga melihat generasi kini saling berlumba untuk mengejar ilmu pengetahuan dengan bersungguh-sungguh.
- Generasi kini mempelajari ilmu teknologi maklumat untuk menambahkan pengetahuan dan kemahiran.
- Generasi kini dapat menjimatkan masa dan tenaga dengan penggunaan teknologi maklumat meskipun kadangkala menghadapi halangan.

UNIT
4

Bahaya dalam Senyap

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Kita hendaklah mengambil langkah-langkah pencegahan tersebut kerana penyakit ini mudah merebak melalui titisan pernafasan dan berpotensi untuk menyerang manusia pada semua peringkat umur. Influenza juga dapat membahayakan pesakit, terutama bayi dan penyakit kronik.; Kedua-dua golongan ini mempunyai daya ketahanan badan mereka melawan jangkitan lemah dan rendah. Kegagalan mendapatkan rawatan bagi kesan virus influenza dapat menyebabkan mereka berhadapan dengan risiko seperti pneumonia (radang paru-paru), penyakit paru-paru, dan masalah jantung.